

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI

26

ISSN 1823-6421

Graduan dan Keusahawanan Digital: Satu Transformasi di Era Globalisasi

Norlaili Harun¹, dan Noor Dalila Musa¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Pahang.

*Koresponden: norlaili@uitm.edu.my

Pengenalan

Selama lebih dua tahun Malaysia dilanda pandemik Covid-19 yang telah mengorbankan beribu-ribu nyawa. Kesan Covid-19 sangat mendalam terutama terhadap ekonomi negara. Kesannya bukan sahaja dirasakan oleh para pekerja sektor awam mahupun swasta malah para graduan juga terkesan. Selain ramai yang kehilangan pekerjaan, premis perniagaan terpaksa ditutup, kadar pengangguran di kalangan graduan juga bertambah. Situasi ini memaksa graduan mencari alternatif untuk meneruskan kehidupan tanpa bergantung pada makan gaji semata-mata. Salah satu alternatif tersebut ialah dengan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan digital.

Namun begitu, ketika dunia dan negara kita menuju era globalisasi ini, isu dan cabaran dalam bidang keusahawanan semakin bertambah. Penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan dalam era globalisasi ini mencabar graduan agar lebih berdaya, berdaya saing, lebih kreatif, berinovatif tanpa mengharapkan bantuan pihak yang lain bagi menampung kehidupan seharian. Kerajaan sentiasa menggalakkan graduan menceburi bidang keusahawanan kerana ianya adalah salah satu faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Mohammad Nooh, 2022), namun usaha tersebut memerlukan inisiatif graduan sendiri. Graduan perlu bersedia untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan beralih daripada menjadi usahawan tradisional kepada usahawan digital.

Menurut Ismail (2020), untuk memulakan perniagaan secara digital, graduan hanya memerlukan peralatan komputer dan kemudahan capaian internet. Graduan disarankan mencari lebih banyak maklumat berkaitan bidang keusahawanan yang mahu diceburi seperti keadaan pasaran semasa, prospek pelanggan, persaingan sedia ada dan lain-lain maklumat berkaitan. Ismail juga berkata, jika sekiranya ingin perniagaan digital yang akan dijalankan itu terus berjaya, graduan perlu memilih idea perniagaan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Jenis perniagaan yang sememangnya graduan berminat untuk jalankan;
2. Jenis perniagaan yang graduan tahu dan mampu untuk laksanakan; dan;
3. Jenis perniagaan yang memang mempunyai permintaan di pasaran.

Definisi Keusahawan Digital

Menurut Ismail (2020), keusahawanan digital terbahagi kepada dua iaitu dari segi teori dan praktikal. Dari segi teori, keusahawanan digital menawarkan konsep baru keusahawanan secara dalam talian seperti mengenal pasti idea baru dan peluang baru perniagaan, bagaimana mengeksploitasi peluang perniagaan dan apakah kaedah bagi memulakan perniagaan digital. Manakala dari segi praktikalnya pula, keusahawanan digital membuka peluang kepada graduan untuk mempelajari teknik asas menjadi usahawan digital seperti kaedah mencari pelanggan secara dalam talian, bagaimana mencipta idea perniagaan baru, dan menambahbaik idea perniagaan sedia ada. Definisi ini disokong oleh Mazdan, Rohana, Salbiah, Rosita dan Nur Fatimah (2015), yang mengatakan bahawa keusahawanan bukan sahaja mendedahkan graduan kepada ilmu teknikal tetapi juga dititikberatkan ilmu praktikal agar mereka dapat menerima ilmu keusahawanan tersebut dengan lebih efektif. Dengan itu para graduan akan lebih menguasai ilmu keusahawanan yang mereka pelajari dan dapat membangun dan memantapkan lagi nilai keusahawanan dalam diri mereka.

Ismail (2020), juga menggariskan beberapa faedah sekiranya graduan berminat untuk memulakan perniagaan secara digital seperti di bawah:

FAEDAH MEMULAKAN PERNIAGAAN DIGITAL		
1.	Mobiliti	Mudah melaksanakan aktiviti keusahawanan digital walau di mana graduan berada. Hanya perlukan sebuah komputer/laptop dan capaian internet.
2.	Bekerja dari rumah	Graduan mempunyai banyak masa bersama keluarga kerana segala urusan perniagaan boleh dilakukan dari rumah.
3.	Jimat kos	Graduan hanya perlu berbelanja untuk membeli komputer sahaja serta menanggung kos capaian internet. Graduan tidak perlu menyewa pejabat atau menanggung kos utiliti yang lain.
4.	Meningkat keupayaan komunikasi	Graduan boleh menghubungi pelanggan ataupun sebaliknya bila-bila masa, di mana-mana lokasi dengan kos yang agak rendah.
5.	Dapat berhubung dengan ramai orang	Graduan dapat berhubung dengan lebih ramai pelanggan kerana menurut perangkaan oleh Jabatan Perangkaan, capaian isi rumah kepada internet meningkat kepada 90.1% pada tahun 2019 berbanding 87% pada tahun sebelumnya.
6.	Peningkatan daya pengeluaran	Graduan dapat meningkatkan daya pengeluaran produk tanpa menanggung kos yang tinggi. Graduan juga dapat menjimatkan masa dan tenaga.

Sumber: Ismail (2020)

Kesimpulan

Keusahawanan digital bukan sahaja dapat menawarkan peluang baru kepada para graduan malah dapat meluaskan lagi peluang pekerjaan, mempertingkatkan inovasi di kalangan usahawan dan menjadikan mereka lebih berdaya saing. Dengan lahirnya graduan usahawan digital ini maka dapat mencetus minat lebih ramai graduan dalam bidang ini. Seterusnya dapat menangani isu pengangguran di kalangan graduan, kebolehdapatan kerja graduan. Graduan perlu bersedia dan berusaha untuk memberi nilai tambah pada diri dengan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran pemasaran digital bagi menghadapi era industri 4.0. Apabila graduan dapat menguasai bidang keusahawanan digital ini maka mereka akan lebih berjaya.

RUJUKAN

- [1] Mazdan, Rohana, Salbiah, Rosita dan Nur Fatimah. (2015). Dimensi Personaliti Terhadap Pembudayaan Keusahawanan Dalam Kalangan Graduan di Malaysia.
- [2] Ismail Abdul Wahab (21 Julai 2020). Keusahawanan Digital: Satu Paradigma Baru Keusahawanan. DagangNews.com.
- [3] Mohammad Noorizzuddin Nooh (2022). Usahawan Muslim: Isu dan Cabaran. Seminar Pembudayaan dan Pendidikan Keusahawanan Remaja. <https://www.researchgate.net/publication/359788072>